

BULETIN ILKEM



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN MALAYSIA

Edisi 4/2024

Eksklusif

PELANTIKAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN KE-16

Majlis Perpisahan dan
Penghargaan Kepada Ketua
Pengarah Keselamatan
Kerajaan Ke-15



G+
www.cgso.gov.my
f
cgso
cgso_news
Instagram icon

Teknologi Dron Revolusi Keselamatan Perlindungan

ISI KANDUNGAN

EKSKLUSIF - 09

KUNJUNGAN HORMAT YBHG. DATUK KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA



AKTIVITI - 33

MENJULANG ASPIRASI, MEMPERKASA HARAPAN



- 04 PERUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN**

- 05 PERUTUSAN PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)**

FOKUS

- 16 TAKLIMAT EKSEKUTIF "SCAMMER DALAM MEDIA SOSIAL"**

- 17 TAKLIMAT PENJELASAN LANJUT SURAT PEKELILING AM BILANGAN 8 TAHUN 2024: GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN RAHSIA RASMI DALAM PERKHIDMATAN**

ARTIKEL CGSO

- 20 PENGENDALIAN T-BATON: KEPENTINGAN DAN TEKNIK ASAS**

- 24 KEFAHAMAN DAN KEPENTINGAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

- 27 TEKNOLOGI DRON: REVOLUSI KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

AKTIVITI DI ILKEM


- 31 RINGKASAN KURSUS**
- 36 KURSUS PEGAWAI PENGELAS**
- 38 MAJLIS BACAAN YASIN**
- 39 PEPERIKSAAN BAGI SKIM PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM CGSO**
- 40 MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN KE-15**
- 43 BENGKEL PENGURUSAN SASARAN PENTING & KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN SIRI 3/2024**

BERITA PERKHIDMATAN

- 44 PEGAWAI INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA**

NUKILAN

- 47 PERJALANAN SEORANG PEMUDA**



AKTIVITI - 34

KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS KAWALAN KEBAKARAN)

SIDANG REDAKSI



YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi

Penaung




YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip

Penasihat



YBrs. Encik Roselan bin Mohamed

Ketua Pengarang



**Puan Nur Azhani
binti Yunos**

Ahli Jawatankuasa



**Encik Ahmad Shaharuddin
bin Muhammad**

Ahli Jawatankuasa



**Encik Mohd Saiful
Hisham bin Md Salleh**

Ahli Jawatankuasa



**Encik Ruszani bin
Abdul Karim**

Ahli Jawatankuasa



**Tuan Haji Foudzli
bin Abdullah**

Ahli Jawatankuasa



**Encik Mohd Radzi bin
Jamalludin**

Ahli Jawatankuasa




**Puan Salmah binti
Shahidan**

Ahli Jawatankuasa



**Tuan Haji Azali bin
Bachok**

Ahli Jawatankuasa



**Encik Mohd Faizul bin
Mohd Nor**

Ahli Jawatankuasa



**Encik Ag. Mohd Ismail bin
A. M. Nordin**

Ahli Jawatankuasa



**Puan Nurul Haswani binti
Saiman**

Ahli Jawatankuasa



Encik Mohd Azhar bin Yusoff

Pegawai Penyelaras



**Encik Muhammad Amirul Hafiz bin
Abdul Halim**

Pegawai Penyelaras





PERUTUSAN

KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera.

Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, segala puji dan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya, buletin Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) Edisi Ke-4 Tahun 2024 dapat direalisasikan dengan penuh jayanya. Syukur saya dapat merakamkan untaian kata di dalam Buletin ILKEM Edisi Ke-4 tahun ini.

Saya sebagai pimpinan penerus tonggak CGSO amat mengharapkan sepenuhnya komitmen dan kerjasama daripada warga CGSO agar misi dan visi CGSO yang telah digariskan dapat direalisasikan bersama. Dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat, kita hendaklah pastikan sentiasa ada penambahbaikan sama ada dari segi sistem, peraturan, proses kerja, serta penghasilannya agar ia benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

Pada tahun ini, kita telah menyaksikan pembangunan kepada dua sistem oleh CGSO iaitu e-Vetting 3.0 dan e-Protective Security (ePS). Sesungguhnya sistem ini dibangunkan adalah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan CGSO kepada rakyat berada di tahap terbaik dan selari dengan kemajuan teknologi. Saya berharap agar visi dan misi CGSO dapat dicapai dengan komitmen dan kerjasama yang konsisten daripada seluruh pihak secara berterusan.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin ILKEM serta para penulis artikel yang telah menyumbang kepada penerbitan Buletin ILKEM kali ini. Semoga penerbitan Buletin ILKEM ini dapat menjadi sumber rujukan kepada semua. Buletin ILKEM merupakan satu platform komunikasi di antara CGSO dan masyarakat. Semoga buletin ini akan terus dimanfaatkan bukan sahaja oleh Penjawat Awam, malahan juga masyarakat umum.

Sekian, terima kasih.

**YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO)**



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera.

Salam Malaysia Madani.

Menjelang penghujung tahun ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Tahun ini telah menjadi satu perjalanan yang penuh dengan pembelajaran, kemajuan, dan pencapaian besar, yang tidak akan mungkin tercapai tanpa komitmen dan dedikasi semua pihak.

Sebagai sebuah Institut latihan yang bertanggungjawab untuk membentuk tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing, kita telah bersama-sama melaksanakan pelbagai program latihan, kursus kemahiran, dan bengkel pembangunan profesional. Program-program ini bukan sahaja membantu para peserta untuk mencapai kemahiran baru, tetapi juga membina keyakinan dan kesediaan mereka untuk menghadapi cabaran pekerjaan di luar sana. Saya amat berbangga dengan pencapaian yang telah kita raih bersama tahun ini.

Selain itu, tahun ini juga menyaksikan penambahbaikan dalam kemudahan latihan dan pengenalan modul-modul baharu yang lebih relevan selaras dengan arahan keselamatan. Semua ini adalah hasil usaha dan pandangan jauh yang telah kita curahkan untuk memastikan Institut latihan ini terus unggul dan menjadi pilihan utama.

Mengakhiri perutusan ini, saya menyimpan harapan yang tinggi untuk melihat ILKEM ini terus berkembang pesat. Saya percaya bahawa dengan kepimpinan YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi sebagai Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Ke-16 bersama-sama pengurusan tertinggi CGSO, ILKEM akan terus maju dan menjadi lebih berdaya saing serta berinovasi. Kepada warga ILKEM, saya mengajak anda semua untuk terus berpegang kepada nilai-nilai integriti, kerja keras, dan kecekalan yang telah menjadi asas kepada kejayaan kita.

Sekian, terima kasih.

**YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed
Pengarah
Institut Latihan Keselamatan
Perlindungan Malaysia (ILKEM)**

EKSKLUSIF

PELANTIKAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN BAHARU ASPIRASI BAHARU CGSO



Pada 14 Oktober 2024, YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan ke-16 telah disambut ketibaan beliau bagi sesi waktu masuk buat kali pertama yang diiringi oleh YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Sektor Dasar dan YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Sektor Operasi bersama-sama Pengurusan Tertinggi, dan warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertempat di Setia Perdana 7, Kompleks Setia Perdana, Putrajaya.



YBHG. DATUK MAS RIZAL BIN MOHD HILMI, SECARA RASMINYA DILANTIK SEBAGAI KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN KE-16 BERKUATKUASA PADA 14 OKTOBER 2024 (ISNIN).



KETUA SETIAUSAHA NEGARA (KSN), YBHG. TAN SRI DATO' SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR, TELAH MENYERAHKAN SIJIL PELANTIKAN KEPADA YBHG. DATUK MAS RIZAL BIN MOHD HILMI SEBAGAI KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN (CGSO) DALAM SATU MAJLIS YANG BERLANGSUNG DI PEJABAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI.



KUNJUNGAN HORMAT YBHG. DATUK KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA KE ATAS YBHG. TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ, KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM



KUNJUNGAN HORMAT YBHG. DATUK KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN KE ATAS YBHG. DATUK ABD SHUKOR BIN MAHMOOD, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN (TKSUK), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)



KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YBHG. DATUK DR. KHAIRUS MASNAN BIN ABDUL KHALID, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)

Kunjungan hormat ini diadakan bagi tujuan mengeratkan hubungan strategik di antara Pengurusan Tertinggi JPM dan JPA bersama CGSO. Kunjungan ini telah diadakan setelah YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi mengambil alih tugas sebagai Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan yang ke-16.

Pengurusan Tertinggi dan seluruh warga CGSO merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan selamat datang kepada YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.

Semoga dengan kepimpinan, pengalaman dan pengetahuan luas YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi diharap dapat memacu CGSO ke hadapan dan terus cemerlang seiring pembangunan negara ke arah Malaysia MADANI.



Pengurusan Tertinggi mengucapkan tahniah kepada YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi kerana telah mengetuai keluarga besar CGSO.



Majlis Perpisahan dan Penghargaan

Kepada
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan ke-15

Pada 10 Oktober 2024, telah disaksikan seluruh warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) serta pegawai kader CGSO sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur hadir menyaksikan sesi waktu keluar terakhir YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail sebagai Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan di Ibu Pejabat CGSO, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Putrajaya.




YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail menggalas jawatan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan sejak 22 Mac 2021 sehingga 10 Oktober 2024. Beliau akan memulakan tugas sebagai Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis pada 11 Oktober 2024, Jumaat.





Selamat maju jaya dan terima kasih YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail

Seluruh warga CGSO merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan atas segala pimpinan, tunjuk ajar dan jasa baik khususnya dalam usaha memartabatkan imej, fungsi serta tanggungjawab CGSO kepada seluruh Kementerian, agensi, jabatan, pihak berkuasa tempatan, pihak swasta dan orang ramai.



FOKUS

TAKLIMAT EKSEKUTIF

“SCAMMER DALAM MEDIA SOSIAL”



Dalam dunia perniagaan dan kewangan yang semakin canggih, jenayah komersial semakin berkembang seiring dengan kemajuan teknologi. Jenayah komersial merangkumi pelbagai bentuk penipuan, pengubahan wang haram, dan salah laku kewangan yang dilakukan oleh individu atau organisasi bagi mendapatkan keuntungan kewangan secara tidak sah. Oleh itu, peserta dalam industri kewangan, perniagaan, dan undang-undang perlu sentiasa mengetahui trend jenayah komersial terkini untuk melindungi diri dan organisasi daripada menjadi mangsa.

Pada 21 Oktober 2024, Taklimat Eksekutif yang bertajuk “Scammer Dalam Media Sosial” telah diadakan di Auditorium Dato’ Sultan Karu, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Taklimat Eksekutif yang bertajuk “Scammer Dalam Media Sosial” telah disampaikan oleh penceramah Encik Rahmat Fitri bin Abdullah daripada Duta Anti Scam (Pesara Polis Diraja Malaysia) Vision Meps Consultant and Enterprise.

Taklimat Eksekutif ini telah diserikan dengan kehadiran YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Sektor Dasar dan YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Sektor Operasi dan YBrs. Puan Salmah binti Shahidan, Pendaftar ILKEM. Taklimat ini juga turut dihadiri oleh semua pengarah bahagian Ibu Pejabat CGSO, pengarah-pengarah CGSO negeri serta pegawai-pegawai CGSO.



Mengetahui trend jenayah komersial terkini adalah sangat penting dalam melindungi diri, syarikat, dan masyarakat daripada kerugian kewangan dan reputasi. Peserta yang memahami teknik-teknik yang digunakan oleh penjenayah, serta mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya, dapat mengurangkan risiko menjadi mangsa jenayah komersial. Selain itu, pemantauan berterusan terhadap perkembangan teknologi dan undang-undang juga sangat penting untuk terus kekal selangkah di hadapan daripada ancaman yang semakin canggih ini.

TAKLIMAT PENJELASAN LANJUT SURAT PEKELILING AM BILANGAN 8 TAHUN 2024: GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN RAHSIA RASMI DALAM PERKHIDMATAN



Pada 21 Oktober 2024, Taklimat Penjelasan Lanjut Surat Pekeliling Am Bilangan 8 Tahun 2024: Garis Panduan Pengurusan dan Pengendalian Rahsia Rasmi Dalam Perkhidmatan telah diadakan di Auditorium Dato' Sultan Karu, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Taklimat ini telah disampaikan oleh penceramah Encik Adzrul Hisyam bin Mohamad dan Cik Azreena binti Mohd Norawi daripada Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi serta moderator yang bertanggungjawab memastikan kelancaran majlis, Puan Noraminah binti Ismail daripada Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi, Seksyen Pengurusan Rahsia Rasmi.

Taklimat ini mendedahkan penjelasan lanjut Surat Pekeliling Am Bilangan 8 Tahun 2024 iaitu Garis Panduan Pengurusan dan Pengendalian Rahsia Rasmi Dalam Perkhidmatan. Pekeliling ini adalah amat penting bagi memastikan dokumen rahsia rasmi diurus dengan betul, selamat, dan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memberikan garis panduan yang jelas kepada semua pegawai Kerajaan dalam pengendalian dokumen yang diklasifikasikan sebagai rahsia rasmi. Antara objektif utama pekeliling ini adalah:

- Meningkatkan tahap keselamatan dalam Pengurusan Rahsia Rasmi.
- Memastikan pematuhan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) yang sedia ada.
- Mengelakkan kebocoran maklumat yang boleh memberi kesan buruk kepada negara atau organisasi kerajaan.
- Memberi panduan yang jelas mengenai prosedur klasifikasi, penyimpanan, dan pemusnahan dokumen rahsia rasmi.



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 8 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN RAHSIA RASMI
DALAM PERKHIDMATAN AWAM

JABATAN PERDANA MENTERI
22 JULAI 2024

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Justeru itu adalah penting bagi setiap jabatan dan pegawai untuk mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam pekeliling ini. Kegagalan untuk berbuat demikian bukan sahaja boleh menyebabkan kebocoran rahsia yang penting, tetapi juga boleh menjelaskan keselamatan negara, reputasi kerajaan, dan menimbulkan masalah kepada organisasi secara keseluruhan.

Surat Pekeliling Am Bilangan 8 Tahun 2024 iaitu Garis Panduan Pengurusan dan Pengendalian Rahsia Rasmi Dalam Perkhidmatan memberikan panduan yang jelas dan komprehensif dalam pengurusan serta pengendalian rahsia rasmi dalam perkhidmatan Kerajaan. Pematuhan terhadap garis panduan ini adalah kritikal bagi memastikan keselamatan maklumat penting negara terjamin dan kebocoran maklumat dapat dielakkan.

Setiap pegawai yang terlibat mesti memahami tanggungjawab mereka dalam menjaga rahsia rasmi, serta mengambil langkah-langkah yang ditetapkan untuk memastikan dokumen-dokumen ini disimpan, dipindahkan, dan dimusnahkan dengan cara yang selamat. Akhirnya, dengan pelaksanaan yang tepat, keselamatan maklumat negara dan integriti Perkhidmatan Awam dapat dipelihara, mengurangkan risiko terhadap keselamatan negara dan reputasi kerajaan.



ARTIKEL CGSO

Pengendalian T-BATON

Kepentingan Dan Teknik Asas



T-Baton berasal dari Okinawa, Jepun, dan pada awalnya digunakan sebagai alat pertanian. Ia digunakan untuk menggiling bahan makanan sebelum diadaptasi menjadi senjata dalam seni mempertahankan diri tradisional. Hari ini, alat ini telah berevolusi menjadi peralatan standard dalam latihan mempertahankan diri, terutama di kalangan pasukan keselamatan dan penguatkuasaan

undang-undang. T-Baton dikenali sebagai Tonfa, merupakan alat penting dalam seni mempertahankan diri dan pasukan keselamatan. Dengan reka bentuk berbentuk huruf "T," alat ini memberikan kelebihan untuk menyerang dan mempertahankan diri secara efektif. Dalam konteks moden, T-Baton banyak digunakan oleh pasukan keselamatan di seluruh dunia, termasuk Malaysia, untuk menjaga keamanan dan mengurangkan kebergantungan kepada senjata api.

Pengendalian T-Baton memerlukan kemahiran dan latihan intensif. Pegangan yang betul adalah asas kepada pengendalian T-Baton. Bahagian pegangan mesti dipegang dengan kuat untuk memastikan kawalan sepenuhnya semasa serangan atau pertahanan. Teknik asas lain termasuk cara membawa T-Baton sama ada secara menegak vertical carry atau mendatar horizontal carry. Kedua-dua teknik ini memudahkan pergerakan semasa tugas operasi. Selain itu, T-Baton juga digunakan untuk menangkis serangan. Dengan kedudukan yang strategik, ia boleh melindungi anggota daripada serangan lawan di pelbagai sudut. Latihan yang berterusan diperlukan untuk menguasai teknik tangkisan dan serangan agar penggunaan alat ini dapat dimaksimumkan dalam situasi sebenar.

Di Malaysia, T-Baton digunakan secara meluas oleh polis, pengawal keselamatan, dan anggota penguatkuasaan. Ia menjadi salah satu peralatan penting untuk menangani situasi berisiko tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada senjata api. Dengan penguasaan teknik pengendalian T-Baton, anggota keselamatan dapat menangani suspek secara profesional sambil meminimumkan risiko kecederaan. Ini juga meningkatkan kewibawaan pasukan keselamatan di mata masyarakat.

Pada 21 hingga 25 Oktober 2024, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan Kursus Pengendalian T-Baton kepada pegawai-pegawai CGSO dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM). Seramai 21 orang peserta daripada pelbagai kementerian, jabatan, dan juga agensi kerajaan telah menghadiri kursus ini. Kursus ini telah disampaikan oleh tenaga pengajar ASP. Fazurah binti Mahzan, SM. Mohd Shaiful Naim bin Baharin, SJN. Hairul Nizam bin Darus dan KPL. Shazieha Asma binti Mat Sood. Kursus ini bertujuan meningkatkan keyakinan dan kemahiran anggota dalam mempertahankan diri serta melindungi orang awam.



Kursus Pengendalian T-Baton melatih peserta agar mereka dapat menggunakan alat ini dengan betul dalam situasi yang memerlukan tindakan pantas. Peserta kursus akan diajar pelbagai teknik pengendalian, termasuk teknik untuk melumpuhkan, mengawal, atau menahan individu yang berpotensi berbahaya, tanpa menyebabkan kecederaan yang tidak perlu. Selain itu, kursus ini juga memberi penekanan kepada etika penggunaan alat tersebut, serta kepatuhan kepada undang-undang yang mengawal penggunaan kekuatan oleh pihak berkuasa.

Kursus ini juga meliputi aspek undang-undang berkaitan penggunaan kekuatan dalam penguatkuasaan. Peserta akan diberikan pengetahuan tentang peraturan dan undang-undang yang mengawal penggunaan alat pengendali, bagi memastikan bahawa mereka mematuhi prosedur yang sah dan menghormati hak asasi manusia semasa bertugas, peserta juga akan dinilai melalui dua bentuk ujian: ujian teori dan ujian praktikal. Ujian teori menguji pengetahuan peserta tentang teknik penggunaan T-Baton, etika penggunaan kekuatan, serta pemahaman mereka mengenai undang-undang yang berkaitan. Ujian praktikal pula akan menguji kemampuan peserta untuk melaksanakan teknik yang telah dipelajari dalam latihan. Peserta yang berjaya dalam kedua-dua ujian ini akan diberikan sijil penggunaan T-Baton, yang menandakan bahawa mereka telah mencapai tahap kemahiran yang diperlukan untuk



menggunakan T-Baton secara profesional dan mengikut prosedur yang betul. Sijil ini menjadi bukti bahawa mereka telah dilatih dan disahkan kompeten dalam pengendalian alat ini.



Kursus pengendalian T-Baton amat penting bagi anggota penguat kuasa undang-undang dan pasukan keselamatan dalam menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan dan selamat. Dengan latihan yang sesuai, peserta dapat mengawal keadaan dengan lebih baik, mengurangkan risiko kecederaan pada diri sendiri dan orang lain, serta mengelakkan penggunaan kekerasan yang tidak perlu. Ini juga membantu meningkatkan kredibiliti dan profesionalisme pasukan keselamatan, dengan mematuhi prinsip-prinsip hak asasi manusia dan undang-undang semasa menjalankan tugas penguatkuasaan.



Secara keseluruhan, Pengendalian T-Baton bukan sahaja melatih individu dalam penggunaan alat tersebut, tetapi juga membentuk sikap dan kepekaan mereka terhadap keselamatan, etika, dan undang-undang. Melalui latihan yang komprehensif yang telah diadakan di ILKEM ini, ia dapat membantu seseorang itu lebih bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran dan situasi berisiko tinggi dengan cara yang

lebih profesional dan berkesan terutamanya di lapangan. Selain itu, dengan adanya kursus seperti ini ia turut membangunkan martabat dan imej ILKEM khasnya dan CGSO umumnya untuk setanding dengan institusi latihan awam lainnya bukan sahaja di mata masyarakat tempatan tetapi juga di persada pentas antarabangsa.

Sumber Rujukan :

1. MStar. "Penggunaan T-Baton Tingkat Kewibawaan Polis - Noor Azam." MStar, 31 Januari 2014
2. Majlis Perbandaran Temerloh. "Bengkel Teori dan Amali bagi Asas Pengendalian T-Baton pada 11 April 2017
3. Facebook. "Video Ringkas Kursus Asas Pengendalian T-Baton dan Penggunaan Gari JPJ Negeri Pulau Pinang." Facebook, 20 Oktober 2022



KEFAHAMAN DAN KEPENTINGAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

**ENCIK MUHAMAD ASRI BIN ABU SAMAH
PENOLONG PENGARAH**

**BAHAGIAN INSPEKTORAT, PEMATUHAN DAN
PENGIKTIRAFAN**



adalah perkara lazim dalam kehidupan harian kita.

Melihat kepada senario ancaman terhadap keselamatan secara umumnya majoriti individu akan bersetuju bahawa ia adalah aspek utama yang akan dipertimbangkan semasa membuat sesuatu keputusan. Aspek keselamatan sentiasa berkait dalam kehidupan harian individu sama ada secara personal atau semasa bekerja. Antara contoh yang mudah untuk difahami adalah semasa pembelian kenderaan, peralatan kegunaan harian dan juga pemilihan untuk bergerak ke sesuatu destinasi. Kita sering kali mempertimbangkan adakah pemilihan atau kaedah yang akan kita gunakan selamat untuk diri kita atau pun orang yang berada di sekeliling kita. Boleh dikatakan keselamatan

Pemahaman umum pekerja atau kakitangan keselamatan hanyalah keadaan untuk melindungi keselamatan terhadap diri pekerja dari aspek ancaman atau bahaya. Namun adakah kita pernah terfikir bahawa keselamatan juga merupakan aspek yang amat penting bagi sesuatu organisasi? Adakah kita mendalami dan memahami tugas serta tanggungjawab sebagai seorang pekerja untuk memastikan keselamatan organisasi yang kita berkhidmat?

“Keselamatan” mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka membawa maksud perihal selamat, kesejahteraan, dan juga keamanan. Manakala “perlindungan” dari takrifan kata namanya menurut Dewan Bahasa dan Pustaka membawa maksud tempat berlindung, tempat berteduh, tumpangan dan “perlindungan” dalam konteks perbuatan iaitu sebagai kata kerja ia boleh membawa erti perbuatan atau hal berlindung. Secara pemahaman ringkasnya “Keselamatan Perlindungan” boleh disimpulkan sebagai tindakan atau usaha untuk melindungi sama ada personel iaitu seseorang, sesuatu aset, sistem, maklumat atau perkara rasmi daripada ancaman yang boleh menyebabkan kerosakan atau bahaya.



Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) adalah Pejabat yang bertanggungjawab dalam aspek keselamatan perlindungan di Jabatan-Jabatan Kerajaan di Malaysia. Keselamatan Perlindungan mengikut Arahan Keselamatan adalah melibatkan langkah-langkah dan tindakan untuk memastikan Keselamatan Fizikal, Keselamatan Dokumen Rahsia Rasmi, Keselamatan Rahsia Rasmi dalam Persekutuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Keselamatan Peribadi dan juga Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan.



Konteks Keselamatan Perlindungan di Jabatan Kerajaan termasuk:

- **Keselamatan Fizikal** - bertujuan untuk menghalang pergerakan secara fizikal kepada akses-akses sesuatu bangunan atau premis atau kawasan di sesuatu jabatan berdasarkan kepada prinsip-prinsip keselamatan perlindungan bagi mencegah, melengahkan dan mengambil tindakan. Ia melibatkan perlindungan daripada ancaman seperti kecurian, serangan fizikal, atau bencana alam.
- **Keselamatan Dokumen Rahsia Rasmi** – bertujuan mencegah akses yang tidak dibenarkan, membantu semasa penyiasatan terhadap kebocoran maklumat rahsia rasmi serta memberikan garis panduan berkaitan prinsip dan pengurusan rahsia rasmi.
- **Keselamatan Rahsia Rasmi dalam Persekutuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi** - melindungi ciri-ciri utama keselamatan maklumat seperti kerahsiaan sistem computer, data daripada serangan siber, perisian hasad, atau kebocoran maklumat.

- **Keselamatan Peribadi** – bertujuan memastikan setiap individu tidak menjadi suatu ancaman terhadap Jabatan melalui proses tapisan keselamatan.
- **Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan** – bertujuan untuk memberi kesiapsiagaan kepada Jabatan bagi menghadapi pelbagai bentuk ancaman, pelanggaran keselamatan dan bencana yang boleh menjaskan penyampaian perkhidmatan jabatan dan tadbir urus Kerajaan.

Bagi menangani isu dan cabaran masa kini, CGSO telah mengeluarkan Pekeliling Am Bil.2 tahun 2024: Panduan Penubuhan dan Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan Di Jabatan Kerajaan untuk dilaksanakan di Jabatan Kerajaan selaras dengan perenggan 32, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Panduan ini bertujuan memberi penjelasan lanjut berhubung dengan kaedah Penubuhan dan Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan melalui pendekatan tadbir urus dan pengurusan risiko yang sistematik bagi memastikan Jabatan Kerajaan dapat menangani sebarang isu keselamatan dengan lebih efisien dan efektif. Melalui peranan dan tugas Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan yang jelas, Jabatan Kerajaan dan Ketua Jabatan dapat mengatur langkah-langkah keselamatan perlindungan yang tersusun dan proaktif melalui kerjasama yang diperlukan dalam memastikan pematuhan terhadap Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88], Arahan Keselamatan dan peraturan keselamatan yang berkuat kuasa.

Secara kesimpulannya, aspek keselamatan perlindungan memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan harian individu dan pengoperasian organisasi, khususnya dalam Sektor Kerajaan. Keselamatan perlindungan bukan sahaja bertujuan melindungi fizikal individu, dokumen, sistem teknologi maklumat, dan aset, tetapi juga memastikan kesinambungan perkhidmatan dalam menghadapi ancaman, pelanggaran keselamatan, dan bencana. Pendekatan berstruktur melalui panduan seperti Pekeliling Am dan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan mencerminkan usaha yang proaktif untuk mengukuhkan keselamatan organisasi. Dalam konteks ini, kerjasama semua pihak, pemahaman mendalam mengenai tanggungjawab keselamatan, serta pematuhan terhadap dasar dan peraturan yang ditetapkan, menjadi asas kepada perlindungan yang berkesan. Kesedaran, pemahaman, dan komitmen terhadap keselamatan perlindungan bukan sahaja memastikan kesejahteraan individu dan organisasi, tetapi juga menyumbang kepada kestabilan dan keberkesanannya sistem tadbir urus negara. Oleh itu, keselamatan perlindungan haruslah menjadi agenda utama dalam perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar organisasi.

Sumber rujukan:

1. Arahan Keselamatan (pindaan 2017)
2. Butterworth Heinemann, *Protective Security Law Second Edition* (1996)
3. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2021 (Meningkatkan Kualiti Dan Tadbir Urus Keselamatan Perlindungan Di Jabatan-Jabatan Kerajaan)
4. Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2024 Penubuhan Dan Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan Di Jabatan Kerajaan
5. Pekeliling Bilangan 8 Tahun 2024 – Garis Panduan Pengurusan Dan Pengendalian Rahsia Rasmi Dalam Perkhidmatan Awam
6. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ke-4

TEKNOLOGI DRON: **REVOLUSI KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

ENCIK MUHAMMAD HAFIZULLAH BIN NOORASIDI

Pembantu Keselamatan

Bahagian Keselamatan Fizikal Dan Penilaian Teknikal



Pada era revolusi industri 4.0 ini, teknologi berkembang dengan pesat, mengubah cara kita menjalani rutin harian. Perubahan ini sangat ketara dalam industri keselamatan perlindungan, tidak terkecuali dengan proses kerja di Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dimana teknologi ini telah banyak membantu dalam mempercepatkan proses kerja dan memberi pelbagai manfaat kepada pejabat kita sendiri, tetapi jika disalahgunakan, ia juga boleh menjadi ancaman yang sangat berbahaya. Menyentuh tentang tajuk utama, iaitu teknologi dron dalam keselamatan perlindungan, ramai yang tidak menyedari bahawa dron bukan sekadar alat penerbangan. Dron, atau Peralatan Navigasi dikendalikan dari jauh secara dinamik (Dynamic Remotely Operated Navigation Equipment), boleh digunakan di udara, darat, dan dalam air. Ini menunjukkan betapa fleksibelnya teknologi ini dalam pelbagai situasi.




Jika kita lihat di negara kita sekarang, proses pemantauan keselamatan memerlukan ramai tenaga kerja dan mengambil masa yang lama. Kini, dengan wujudnya teknologi dron seperti Kenderaan Udara Tanpa Pemandu (UAV), hanya satu UAV dan seorang pengawal keselamatan yang berperanan sebagai operator diperlukan untuk melakukan pemantauan dengan lebih efisien. Proses ini yang dulunya memakan

masa yang lama kini dapat diselesaikan dengan lebih cepat, dan maklumat yang dikumpul lebih tepat dan padat. Lebih menarik lagi, beberapa UAV kini dilengkapi dengan Kecerdasan Buatan (AI) yang mampu menganalisis data dan memberikan output yang lebih terperinci.

Salah satu kelebihan utama dron adalah kemampuan untuk mencapai lokasi yang sukar dijangkau oleh manusia. Dalam situasi bencana alam, seperti banjir atau tanah runtuh, dron dapat digunakan untuk memantau kawasan yang terjejas tanpa membahayakan nyawa anggota keselamatan. Dengan keupayaan menghantar gambar dan video secara langsung, maklumat yang diperoleh dapat digunakan untuk membuat keputusan dengan segera, mempercepatkan usaha bantuan. Selain itu, dron juga dapat digunakan untuk membuat pemantauan keselamatan acara besar seperti perhimpunan awam atau konsert. Dengan pandangan dari udara, pihak keselamatan dapat memantau situasi dan mengenal pasti sebarang isu perlanggaran keselamatan yang mungkin timbul dengan lebih cepat. Ini bukan sahaja membantu dalam memastikan keselamatan orang ramai, tetapi juga dalam merancang langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan.



Di negara maju, teknologi dron telah digunakan secara menyeluruh dalam aktiviti keselamatan. Mereka telah berjaya menghasilkan dron dengan pelbagai kemampuan, ada yang berfungsi sebagai senjata dalam peperangan dan ada yang digunakan untuk aktiviti penyuluhan tanpa diketahui oleh yang berkepentingan. Contohnya, beberapa negara telah menggunakan dron untuk pengawasan sempadan, memastikan tiada aktiviti penyeludupan atau pencerobohan berlaku. Selain itu, sektor komersial juga semakin menunjukkan minat terhadap penggunaan dron. Banyak syarikat kini menggunakan dron untuk pemantauan harta tanah, pengawasan tapak pembinaan, dan pengangkutan barang dan manusia dari satu tempat ke tempat yang lain tanpa perlu menghadap kesesakan lalu lintas. Kelebihan ini bukan sahaja menjimatkan masa tetapi juga mengurangkan kos operasi. Ini membuktikan bahawa dron bukan sahaja berguna dalam konteks keselamatan tetapi juga dalam meningkatkan kecekapan operasi perniagaan.



Walaupun kebaikan daripada teknologi dron tidak dapat dinafikan, terdapat juga cabaran yang perlu kita dihadapi. Salah satu kebimbangan utama adalah isu peribadi. Dengan kemampuan untuk merakam gambar dan video dari udara, risiko pelanggaran isu peribadi individu menjadi semakin tinggi. Oleh itu, perlu ada undang-undang yang jelas dan ketat mengenai penggunaan dron, terutamanya dalam konteks keselamatan awam. Selain itu, teknologi ini juga boleh disalahgunakan oleh pihak yang berniat jahat. Terdapat kes di mana dron digunakan untuk menyeludup barang atau aktiviti penyuluhan untuk mendapatkan sesuatu maklumat. Oleh itu, penting bagi pihak keselamatan untuk sentiasa mengawasi penggunaan teknologi ini dan mengambil langkah-langkah pencegahan yang sesuai.

Kesimpulannya, teknologi dron telah membawa perubahan besar dalam industri keselamatan perlindungan. Kelebihannya yang serba canggih membolehkan pemantauan keselamatan yang lebih efisien dan tepat, menjadikannya alat yang amat penting dalam melindungi keselamatan negara. Namun, kita juga harus berhati-hati terhadap potensi penyalahgunaan teknologi ini oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Dengan pendekatan yang bijak dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat, kita dapat memanfaatkan teknologi dron sambil mengurangkan risiko yang ada. Dengan cara ini, masa depan keselamatan perlindungan akan menjadi lebih terjamin dan berkesan. Untuk penggunaan Dron perlu merujuk kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) untuk panduan penggunaan yang selamat, termasuk peraturan kawasan larangan terbang, pendaftaran dron, dan ketinggian maksimum penerbangan. Pastikan operasi mematuhi undang-undang dan mendapatkan kebenaran khas di kawasan sensitif.

Sumber Rujukan :

1. Yasmina Bestaoui Sebbane, *A First Course in Aerial Robots and Drones*, 23 February, 2022
2. Adam Juniper, *The complete guide to drones*, 10 November 2024.

AKTIVITI DI ILKEM

AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN OKTOBER, NOVEMBER DAN DISEMBER 2024

BIL	AKTIVITI OKTOBER 2024	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS PEGAWAI PENGELAS (COC 1003), SIRI 4/2024	02 HINGGA 03 OKTOBER 2024	40
2.	BENGKEL PENGENDALIAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI AM 492, AM 492A DAN AM 492B (SRC 1007), SIRI 3/2024	02 HINGGA 03 OKTOBER 2024	32
3.	KURSUS PENGENALAN PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCM) (PKP 1005), SIRI 2/2024	08 HINGGA 09 OKTOBER 2024	21
4.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI (DCC 1008), SIRI 4/2024	15 HINGGA 16 OKTOBER 2024	31
5.	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (AWP 1009), SIRI 3/2024	15 HINGGA 16 OKTOBER 2024	87
6.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT (SRC 1007), SIRI 4/2024	22 HINGGA 23 OKTOBER 2024	75
7.	KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS KAWALAN KEBAKARAN) SIRI 3/2024	01 – 03 OKTOBER 2024	107
8.	BENGKEL TOT PELAKSANAAN PKP DI SEKTORAWAM SIRI 3/2024	08 – 09 OKTOBER 2024	19
9.	BENGKEL TOT PEMAHAMAN PENGURUSAN RAHSIA RASMI SIRI 3/2024	15 – 16 OKTOBER 2024	11
10.	BENGKEL TOT ICT RAHSIA RASMI SIRI 3/2024	17 OKTOBER 2024	10
11.	KURSUS ASAS PENGENDALIAN T BATON SIRI 3/2024	21 – 25 OKTOBER 2024	21

AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN OKTOBER, NOVEMBER DAN DISEMBER 2024

BIL	AKTIVITI NOVEMBER 2024	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK KPM 1010 SIRI 5/2024	05 HINGGA 07 NOVEMBER 2024	42
2.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) ADSO 1002 SIRI 7/2024	05 HINGGA 07 NOVEMBER 2024	70
3.	KURSUS PEGAWAI PENGELAS COC 1003 SIRI 5/2024	12 HINGGA 13 NOVEMBER 2024	46
4.	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) DSO 1001 SIRI 5/2024	12 HINGGA 14 NOVEMBER 2024	42
5.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) ADSO 1002 SIRI 5/2024	12 HINGGA 14 NOVEMBER 2024	72
6.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN PSM 1006 SIRI 4/2024	19 HINGGA 20 NOVEMBER 2024	25
7.	BENGKEL TOT PENGURUSAN SASARAN PENTING & KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN SIRI 3/2024	05-06 NOVEMBER 2024	10

*A*MENJULANG *Aspirasi,* MEMPERKASA HARAPAN

Pada 15 Oktober 2024, YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan telah mengadakan lawatan kerja ke Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) dengan diiringi oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Sektor Operasi.



YBhg. Datuk turut melawat sekitar ILKEM dan telah mengadakan perbincangan bersama warga CGSO dan ILKEM.

Sesi lawatan kerja ini turut dihadiri oleh Puan Salmah binti Shahidan, Pendaftar ILKEM, Encik Mohd Azhar bin Yusoff, Ketua Program Asas dan Kemahiran Pegawai ILKEM, serta pegawai-pegawai kanan CGSO.

Kursus Kesedaran Awam (ASAS KAWALAN KEBAKARAN) Siri 3/2024

Pada 01 hingga 03 Oktober 2024, Kursus Kesedaran Awam (Asas Kawalan Kebakaran) Siri 3/2024 telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai 120 peserta yang merangkumi seluruh warga ILKEM dan kader-kader CGSO daripada pelbagai kementerian, agensi dan jabatan turut serta di dalam Kursus Kesedaran Awam (Asas Kawalan Kebakaran) Siri 3/2024.



Kebakaran adalah satu fenomena yang boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa. Ia bukan sahaja membawa kesan yang merugikan harta benda, tetapi juga mengancam nyawa manusia. Dalam masyarakat moden yang semakin kompleks, risiko kebakaran semakin meningkat, terutamanya dengan penggunaan elektrik dan bahan-bahan mudah terbakar yang meluas. Oleh itu, pendidikan dan kesedaran mengenai kebakaran serta langkah-langkah keselamatan awam adalah sangat penting.



Kursus kebakaran awam bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai punca-punca kebakaran, langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil, dan tindakan yang betul apabila berhadapan dengan situasi kecemasan. Melalui kursus ini, peserta akan dilengkapi dengan kemahiran dan maklumat yang diperlukan untuk melindungi diri sendiri dan orang lain. Dengan usaha bersama, kita dapat mengurangkan risiko kebakaran dan memastikan keselamatan komuniti kita.

Secara keseluruhannya, memahami kebakaran dan langkah-langkah keselamatan adalah tanggungjawab setiap individu. Kesedaran dan pengetahuan adalah kunci untuk mencegah tragedi dan memastikan kita semua berada dalam keadaan selamat.




KURSUS PEGAWAI PENGELAS SIRI 4/2024

Pada 02 hingga 03 Oktober 2024, Kursus Pegawai Pengelas Siri 4/2024 telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai 30 peserta daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi turut hadir di dalam Kursus Pegawai Pengelas Siri 4/2024. Kursus ini telah disampaikan oleh penceramah Encik Anuar bin Seran, Pengarah CGSO negeri Kedah, Puan Hafizah binti Othman, Pegawai Arkib Negara Malaysia dan Puan Noraida binti Md Nor, Pegawai Ibu Pejabat CGSO Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi.




Objektif kursus ini adalah memberi pengetahuan dan peranan serta tugas pegawai pengelas di bawah Seksyen 2B, Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88). Pegawai pengelas bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan maklumat yang dianggap sebagai rahsia rasmi. Di bawah Seksyen 2B, Akta 88 pegawai pengelas perlu membuat pengelasan berdasarkan tahap kerahsiaan maklumat. Dokumen diklasifikasikan sebagai TERHAD, SULIT, RAHSIA atau RAHSIA BESAR bergantung kepada risiko.

Kulit Fail : Terbuka
(berwarna putih)




contoh

Kulit Fail : Sulit
(berwarna hijau)



contoh



contoh



contoh

Kulit Fail : Rahsia
(berwarna merah)

Kulit Fail : Rahsia Besar
(berwarna kuning)

Untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai Kursus Pegawai Pengelas ini, anda boleh hadir bagi mengikuti Kursus Pegawai Pengelas di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM).

Majlis Bacaan Yassin

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

Pada 11 Oktober 2024, Majlis Bacaan Yasin telah diadakan di surau At-Taqwa, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seluruh warga ILKEM telah hadir di dalam majlis yang sederhana ini. Majlis Bacaan Yasin ini telah diketuai oleh Encik Ag. Mohd Ismail bin A.M Nordin, Ketua Program Pendidikan dan Kesedaran Keselamatan Perlindungan.



Membaca Surah Yasin membawa banyak hikmah dan kebaikan kepada umat Islam. Ia bukan sahaja memberi pahala yang besar, tetapi juga membantu menenangkan hati dan memberikan kekuatan dalam menghadapi cabaran hidup.



Daripada Anas bin Malik RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبًا ، وَإِنَّ قَلْبَ الْقُرْآنِ (يَسِ) ، مَنْ قَرَأَهَا فَكَانَمَا قَرَأَ الْقُرْآنَ عَشْرَ مَرَّاتٍ



Maksudnya: “Setiap sesuatu itu mempunyai hati, dan sesungguhnya hati al-Quran adalah surah Yasin. Barangsiapa yang membacanya maka pahalanya seumpama membaca sepuluh kali al-Quran”. [Riwayat al-Tirmizi,

kitab keutamaan al-Quran, bab keutamaan surah Yasin, no. hadith 2812 dan riwayat al-Darimi, kitab keutamaan al-Quran, bab keutamaan surah Yasin, no. hadith 3282]

Di akhir majlis ini, terdapatnya jamuan makanan yang telah disumbangkan oleh warga ILKEM.

PEPERIKSAAN BAGI SKIM PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN

Pada 15 Oktober 2024, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) telah mengadakan Peperiksaan Perkhidmatan Pegawai Keselamatan Gred KP41 di Jabatan Perdana Menteri dan pelbagai Jabatan. Peperiksaan ini telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Seramai (5) lima orang calon yang hadir bagi menduduki peperiksaan ini.

Peperiksaan bagi perkhidmatan Pegawai Keselamatan Gred KP41 ini diadakan 2 kali setahun dan soalan peperiksaan ini merangkumi bidang tugas skim perkhidmatan CGSO yang termaktub di dalam buku Arahan Keselamatan dan apa-apa peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

AWAM CGSO



Majlis Amanat

KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN KE-15

Pada 30 September 2024, Majlis Amanat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 4 Tahun 2024 bersama warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Bandar Enstek, Negeri Sembilan.

Seluruh warga CGSO perlu mengaplikasi dan menyemai nilai-nilai "MALAYSIA" seperti yang telah diperkenalkan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Ketua Setiausaha Negara -Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan-



YBhg. Dato' Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan terdahulu telah menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga CGSO atas kejayaan penganjuran Hari Terbuka CGSO 2024 yang julung kalinya diadakan pada Ogos yang lalu. Beliau turut menyarankan agar seluruh warga CGSO mengadaptasi dan menyemai nilai-nilai "MALAYSIA" seperti yang telah diperkenalkan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Ketua Setiausaha Negara.




Tema Pakaian Tradisional

ILKEM telah menjadi penganjur untuk perhimpunan kali ke-4 pada tahun 2024 dengan tema Pakaian Tradisional Malaysia. Turut hadir bagi menyerikan majlis ini ialah YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Sektor Dasar, YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Sektor Operasi, Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah-Pengarah CGSO Negeri, Pegawai Kanan Kader CGSO dan warga CGSO.



BENGKEL PENGURUSAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN SIRI 3/2024

Pada 05 hingga 06 November 2024, seramai 10 orang daripada Skim KP CGSO telah menghadiri Bengkel Pengurusan Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan Siri 3/2024 telah diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Radzi bin Jamalluddin, Pengarah Bahagian Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan (BSPKLTL) Ibu Pejabat CGSO dan Puan Zuraihan binti Zainal Abidin, Penolong Pegawai Keselamatan Kerajaan, BSPKLTL, Ibu Pejabat CGSO.



Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman tentang kepentingan Sistem Pengurusan Keselamatan Sasaran Penting Negara kepada pihak pengurusan pemilik atau penghuni Sasaran Penting (SP) dan Kawasan Larangan Tempat Larangan (KLTL) bagi memastikan tahap keselamatan di tempat/premis yang dikategorikan sebagai SP dan diisytiharkan sebagai KLTL sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

BERITA PERKHIDMATAN

PEGAWAI BERTUKAR



PUAN AMIRAH BINTI ABU BAKAR

PEMBANTU KESELAMATAN KP19

**INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN
MALAYSIA (ILKEM)**

TARIKH	BERTUGAS
2023 - 2024	Pembantu Keselamatan KP19 Program Pendidikan dan Kesedaran Keselamatan Perlindungan Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)
2024	CGSO Negeri Perak

PEGAWAI BAHARU



ENCIK MOHD HASBUL BIN ZAINURIN

PEMBANTU KESELAMATAN KP19

**INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN
MALAYSIA (ILKEM)**

TARIKH	BERTUGAS
02/10/2017	Pengawal Keselamatan KP11 Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) UiTM Bandar Enstek
30/09/2024	Pembantu Keselamatan KP19 Program Akademik dan Kompetensi Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)



**ENCIK MUHAMMAD FAHMI IKHWAN
BIN MOHAMED**

PEMBANTU KESELAMATAN KP19

**INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN
MALAYSIA (ILKEM)**

TARIKH	BERTUGAS
14/08/2017	Pembantu Awam H11 Unit Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling Pejabat Kesihatan Daerah Kemaman
01/10/2024	Pembantu Keselamatan KP19 Program Pendidikan dan Kesedaran Keselamatan Perlindungan Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)

NUKILAN



PERJALANAN SEORANG PEMUDA

Oleh ENCIK AMIN BIN HAMID

Penolong Pegawai Keselamatan KP29

Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN)

Tampin, Melaka

Dalam kehidupan, banyak cerita,
Setiap cabaran, adanya kecaman,
Menempuh rintangan, penuh cita-cita,
Walau sakit, terukirnya senyuman.

Cabaran datang, dia hadapi dengan tabah,
Meski tidak berpengalaman, dia tetap bersemangat,
Di antara yang tua, dia paling mentah,
Walau banyak kesilapan, dia tetap beringat.

Dalam gelap, dia temui terang,
Diterangi rezeki melimpah ruah,
Sujud syukur, dia bersembahyang,
Terus berdoa, berucap Alhamdulillah.

Insan berpengalaman, tinggi harga diri,
Kurangnya mengajar, banyakkan bertanya,
Turunnya pemuda, menimba ilmu duniawi,
Moga dengan puisi, berputik imannya.



Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)

**Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri**

**Persiaran Timur 3, Bandar Baru Enstek,
71760 Bandar Baru Enstek,
Negeri Sembilan**

Tel.Pejabat : 06-7993301

Faks: 06-7994667/5007

www.cgso.gov.my